



ثجابه فريندهاران نكري ترغكانو

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU
Tingkat 3 & 4, Wisma Darul Iman,
20592 Kuala Terengganu.

Tel : 09-623 1957 Faks : 09-623 7949 (Perb. Tr), 09-626 7948 (Bend. Tr)
E-mel : perbendaharaan@terengganu.gov.my



PERB.TR.A/17/03/0/02 – (31)
Bertarikh : 19 November 2013
Bersamaan : 15 Muharram 1435

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Negeri Terengganu

Tuan

**PEMROSESAN/PEMBAYARAN BAUCER
MELALUI ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas

2. Adalah dimaklumkan bahawa semua jabatan/PTJ dikehendaki melaksanakan pembayaran baucer menggunakan Electronic Fund Transfer (EFT) bagi baucer yang berjumlah Ringgit Malaysia 5 juta dan ke bawah termasuklah pembayaran utiliti, smartpay, bil telefon, pembayaran atas nama individu seperti pinjaman kenderaan, pinjaman komputer, elaun, tuntutan perjalanan dan sebagainya. Pembayaran melalui cek hanya dibenarkan atas nama Ketua Jabatan sahaja sebagaimana arahan yang telah dikeluarkan sebelum ini melalui surat kami PERB.TR.A/17/03/0/02 (13) bertarikh 19/2/2013. Walau bagaimanapun masih ada lagi jabatan/PTJ yang tidak mematuhi arahan ini.

3. Oleh yang demikian, pihak Perbendaharaan Negeri berharap agar semua Ketua Jabatan dapat memantau dan seterusnya memastikan arahan ini dipatuhi. Mana-mana baucer bayaran yang tidak mematuhi arahan ini akan dikuiiri/dibatalkan oleh pihak kami. Bagi baucer gantian, nombor baucer asal yang telah dibatalkan hendaklah dinyatakan diruangan perihail atau pada ruangan info terakhir.

Kerjasama dan perhatian tuan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“ MERAKYATKAN PENTADBIRAN DAN PEMBANGUNAN ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah,

(WAHAB BIN TASLIM)

Bendahari Negeri
b.p. Pegawai Kewangan Negeri,
Terengganu.

s.k. Fail timbul